

Pelaksanaan Rekod Mengajar Secara *On-Line*

Zurina Bt Hamid, Sanitah Bt Mohd Yusof *

Faculty of Education, University Technology Malaysia

*Corresponding author: p-sanitah@utm.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau apakah tahap keberkesanan, kesediaan dan kemahiran guru dalam menulis rekod mengajar secara *on-line* di salah sebuah sekolah menengah kebangsaan di daerah Kluang. Kajian ini juga meninjau adakah terdapat perbezaan kemahiran menggunakan komputer berdasarkan pengalaman mengajar serta mengenalpasti apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh para guru dalam melaksanakan penulisan rekod mengajar secara *on-line*. Reka bentuk kajian ialah tinjauan soal selidik yang diedarkan kepada 78 orang guru. Data dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package For Social Science (SPSS version 16.0)*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keberkesanan rekod mengajar secara *on-line* adalah tinggi (min=4.35). Selain itu, tahap kemahiran guru menggunakan komputer dalam pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* juga tinggi (min=4.12). Tahap kesediaan guru dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line* adalah tinggi (min=3.77). Hasil kajian mendapati bahawa dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*, tahap kemudahan infrastruktur di sekolah adalah sederhana (min=3.45). Analisis anova mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar terhadap tahap kemahiran guru menggunakan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line* dengan nilai signifikan 0.248 ($p > 0.05$) pada aras keertian $\alpha = 0.05$. Kajian juga mendapati capaian internet yang sangat perlahan, penggunaan USB (pen drive) yang bervirus, sikap guru dan kekangan masa merupakan masalah utama pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*. Hasil kajian memerlukan tindakan daripada pihak guru, pentadbir sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi membantu meningkatkan lagi pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* dalam kalangan guru.

Kata kunci : pelaksanaan, rekod mengajar, *on-line*

PENGENALAN

Seiring dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memartabatkan penggunaan ICT dalam dunia pendidikan, inovasi dalam perancangan pengajaran oleh guru perlu dibuat dengan menekankan konsep ICT untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pelajaran menghendaki para guru di sekolah membuat perancangan dan persediaan pengajaran sebelum sesi persekolahan dimulakan. Penulisan persediaan pengajaran oleh guru ini lazimnya berpandukan skop dan sukatan mata pelajaran yang telah ditetapkan oleh kementerian. Langkah ini penting dalam memastikan para guru mempunyai garis panduan untuk mengajar dengan lengkap dan teratur. Oleh itu, guru haruslah memastikan pengajaran yang disampaikan sepanjang sesi persekolahan adalah berdasarkan perancangan yang telah dibuat. Dengan ini, guru akan dapat menyampaikan sesi pengajaran kepada pelajar dengan lebih berkesan dan efektif.

Penulisan rekod mengajar telah mengalami perubahan seiring dengan kemajuan teknologi maklumat. Pada mulanya, rekod mengajar ditulis menggunakan pen, namun melalui aplikasi ICT, penulisan rekod mengajar secara *on-line* semakin meluas. Penulisan rekod mengajar secara *on-line* merupakan salah satu sistem penulisan rekod mengajar harian menggunakan komputer menerusi jaringan LAN (*Local Area Network*). Sistem ini dibangunkan bagi memudahkan guru menulis rekod mengajar selaras dengan Surat Pekeliling Iktisas Bil. 3 Tahun 1999 yang menyatakan bahawa rekod pengajaran dan pembelajaran boleh disediakan dalam apa jua bentuk yang munasabah dan sesuai dengan teknologi semasa.

Melalui sistem *on-line* ini, guru tidak perlu membawa buku rekod dan pihak pentadbir sekolah dapat memantau penulisan rekod mengajar dengan cepat dan mudah. Pengesahan oleh pentadbir pula hanya dibuat secara *on-line*. Penggunaan rekod mengajar secara *on-line* telah dibuktikan lebih kemas dan teratur berbanding rekod mengajar secara konvensional (Esah et.al., 2003). Bagi melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*, jaringan LAN di aktifkan di kawasan sekolah. Bagi menjayakan pelaksanaan penggunaan IT dengan lebih berkesan, kemudahan infrastruktur ICT perlu disediakan dan dirancang dengan baik. Kemudahan ICT dapat membantu pelaksanaan kurikulum dengan berkesan. Penggunaan teknologi ICT perlu diaplikasikan sepenuhnya supaya memberikan kesan yang positif dalam bidang pendidikan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kebiasaannya, guru-guru menggunakan buku rekod persediaan mengajar untuk merekod segala perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bakal dijalankan dalam kelas sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru dikehendaki menulis semua maklumat yang diperlukan termasuk rekod

pengajaran dan pembelajaran ke dalam buku tersebut. Guru memperuntukkan masa lebih kurang 30 minit untuk menyiapkan satu rancangan mengajar. Bagi guru yang mengajar tiga buah kelas dalam satu hari mereka memerlukan lebih kurang 1 jam 30 minit bagi menyiapkan rancangan mengajar untuk satu hari. Berdasarkan kajian Clark dan Yinger (1981) dalam Calderhead (1984), pemerhatian yang dilakukan di beberapa buah sekolah di Amerika Syarikat mendapati bahawa kebanyakan guru mengambil masa selama 2 jam sehari untuk menyiapkan rekod mengajar mereka setiap hari.

Menurut laporan kaji selidik Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) bertajuk 'Pandangan dan Syor NUTP: Beban Guru meliputi sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah teknik dan politeknik yang diserahkan kepada Kementerian Pelajaran, baru-baru ini mendapati bahawa guru-guru di empat buah negeri iaitu Selangor, Melaka, Johor dan Kuala Lumpur menanggung beban kerja yang berlebihan, iaitu 74 jam seminggu berbanding maksimum 48 jam seminggu sepertimana yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Ini berikutan daripada beban tugas mereka yang bukan setakat mengajar malah turut dibebani dengan lima tugas lain iaitu mengurus data, fail, buku rekod dan laporan, menjalankan kerja-kerja pentadbiran, melaksanakan kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum, serta menjaga urusan hal ehwal murid.

Penulisan buku rekod mengajar secara konvensional menyebabkan pentadbir mengalami kesukaran menyemak kerana kekangan masa. Oleh itu, penyemakan hanya dibuat secara berkala seminggu sekali. Bagi sekolah yang mempunyai ramai guru, pengetua hanya dapat memeriksa buku rekod mengajar dalam selang masa yang lebih panjang iaitu semakan mingguan dibuat oleh Guru Penolong Kanan dan Guru Kanan Mata Pelajaran. Selain itu, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster, Ashah binti Samah membuat perangkaan iaitu 66% waktu pengetua digunakan untuk bermesyuarat manakala hanya 0.71% digunakan untuk memantau atau mencerap. Kekangan masa dalam kalangan pengetua atau pentadbir sekolah menyebabkan para pengetua kurang menumpukan perhatian terhadap pemantauan penulisan buku rekod yang merupakan salah satu aktiviti yang penting dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung sepertimana yang dirancang (Azlin Norhaini, 2004).

Sehubungan dengan itu, penulisan buku rekod persediaan mengajar yang lebih praktikal, sistematik dan efisien telah dikenalpasti iaitu rekod mengajar secara *on-line*. Dengan mengaplikasikan rekod mengajar secara *on-line* dalam sistem pengurusan sekolah dapat membantu pengetua untuk menyemak seterusnya mengesahkan rancangan mengajar harian guru serta mengukuhkan pemantauan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

PERNYATAAN MASALAH

Rekod mengajar secara *on-line* diwujudkan untuk membina satu sistem pemantauan oleh pihak atasan ke atas guru-guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di sekolah. Rekod mengajar secara *on-line* berasaskan penggunaan komputer yang mempunyai jaringan LAN. Guru-guru perlu menyiapkan rancangan mengajar secara *on-line* sebelum masuk ke kelas untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Dengan penggunaan rekod mengajar secara *on-line*, guru cuma memasukkan maklumat sekali sahaja. Maklumat tersebut hanya perlu diubah atau disesuaikan apabila guru mahu menggunakan untuk kali kedua. Selain itu, jika terdapat sebarang permasalahan semasa proses pengajaran dan pembelajaran, guru-guru dapat memberi komen terus terhadap rancangan pengajaran mereka untuk diberi perhatian oleh pihak atasan terutamanya pengetua. Setelah semua data disimpan, pihak atasan dapat memantau perkembangan yang berlaku di dalam kelas dan seterusnya mengetahui permasalahan yang berlaku semasa sesi pengajaran dan pembelajaran pada bila-bila masa dan dimana sahaja selain memudahkan tindakan susulan dilakukan oleh pihak tertinggi.

Rekod mengajar secara *on-line* diharapkan mampu melengkapkan lagi keperluan guru di seluruh negara. Walau bagaimanapun sejauh manakah pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* dalam kalangan guru-guru sekolah menengah ini dapat dilaksanakan memandangkan pengaplikasiannya bergantung sepenuhnya kepada jaringan komputer serta kelengkapan perkomputeran. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharap dapat meninjau apakah tahap keberkesanan, kesediaan dan kemahiran guru dalam menulis rekod mengajar secara *on-line*. Kajian ini juga meninjau adakah terdapat perbezaan kemahiran menggunakan komputer berdasarkan pengalaman mengajar serta mengenalpasti apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh para guru dalam melaksanakan penulisan rekod mengajar secara *on-line*.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menenalpasti tahap keberkesanan pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*.
2. Menenalpasti tahap kesediaan guru dari segi psikologi dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*.
3. Menenalpasti tahap kemudahan infrastruktur di sekolah dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*.

4. Mengenalpasti tahap kemahiran guru menggunakan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*.
5. Mengenalpasti perbezaan kemahiran menggunakan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line* dari aspek pengalaman mengajar.
6. Mengenalpasti masalah-masalah yang wujud di kalangan guru-guru dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*.

SKOP KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini terdapat beberapa batasan bagi mendapatkan maklumat untuk dimuatkan dalam kajian ini. Kajian ini hanya melibatkan guru-guru yang mengajar di salah sebuah sekolah menengah di daerah Kluang. Skop kajian tertumpu kepada aspek-aspek keberkesanan pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*, kesediaan guru, kemudahan infrastruktur, kemahiran menggunakan komputer, pengalaman mengajar dan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*. Penyelidikan ini hanya diadakan di salah sebuah sekolah menengah di daerah Kluang sahaja berikutan kemudahan prasarana yang terdapat di sekitar kawasan sekolah tersebut iaitu jaringan LAN (rangkaian setempat) serta internet.

SOROTAN KAJIAN

Perkembangan dalam pengetahuan ICT menjadi pemangkin kepada pembangunan negara. Justeru, penjawat awam khususnya guru yang mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (ICT) amat diperlukan untuk menggunakan pengetahuan ini dengan sebaiknya sebagai pemudahcara dalam sistem pengurusan sekolah. Hal ini selaras dengan hasrat kerajaan yang mahukan ICT digunakan untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan, dan keberkesanan sistem pengurusan seperti yang dinyatakan oleh mantan Perdana Menteri Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi pada 16 Januari 2007 dalam agenda Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu membangunkan satu sistem pendidikan yang bertaraf dunia.

Menurut kajian Keow Ngang et.al., (2006), penggunaan ICT berperanan dalam memudahkan dan membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bajet 2003 telah memperuntukkan RM5 billion untuk tempoh 2002-2008 bagi melengkapkan prasarana perisian dan latihan kepada tenaga pengajar, menyediakan geran perintis kepada sekolah-sekolah dan juga peralatan bantuan pengajaran dan pembelajaran. Hasilnya setiap guru menggunakan komputer sebagai alat bantuan mengajar di dalam pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, kecekapan dan kesediaan guru dalam mengurus masa dan merancang pengajaran perlu dikenalpasti supaya tidak berlaku masalah ketika proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan didalam kelas.

Perkembangan pendidikan melalui pengetahuan ICT memerlukan anjakan peranan pendidikan dan profesion keguruan. Negara membangun memerlukan lebih ramai guru yang mempunyai pengkhususan dalam bidang pengetahuan teknologi maklumat (ICT). Menurut Jung (2005), kerjaya sebagai seorang guru merupakan satu bidang profesional yang mencabar terutamanya dalam kepesatan dan perkembangan ICT dan komunikasi. Guru-guru perlu mahir dalam menggunakan teknologi ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Bagi menggalakkan penggunaan komputer di sekolah, ianya boleh dimulakan dengan pentadbir organisasi sekolah supaya kecekapan organisasi pentadbiran setiap sekolah dapat dilihat seterusnya matlamat kerajaan melahirkan warga pendidik yang celik IT dapat dilaksanakan.

Tajul Ariffin (1997), mendapati masih ramai golongan pendidik yang mempunyai sikap takut serta negatif untuk menggunakan komputer bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Tanpa persiapan dari semua aspek, segala program perubahan yang dicadangkan akan menghadapi halangan yang paling besar untuk membentuk dan menggerakkan jentera utama perubahan iaitu sumber manusia ke arah menjayakan program perubahan di dalam sesebuah organisasi seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Kajian oleh Zulkifli dan Raja Maznah (1994), mendapati bahawa sikap yang positif adalah penting untuk mendorong seseorang bagi mempelajari apa-apa sahaja. Sikap, kesedaran dan keupayaan aplikasi perisian merupakan cara terbaik untuk menjangka dan meramal komitmen terhadap penggunaan komputer (Kay, 1990).

Perubahan ICT akan memberikan cabaran besar terhadap profesion keguruan. Guru perlu bersedia meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka bagi menjadikan komputer sebagai teknologi pengajaran dan pembelajaran menggantikan pendekatan konvensional yang kurang berasaskan inovasi teknologi. Untuk menerajui pendidikan pada masa hadapan, setiap guru perlu memahirkan diri dengan ICT. Strategi meningkatkan penggunaan ICT di sekolah bergantung kepada kemampuan pengetua dan guru-guru menguruskannya. Oleh itu, setiap guru mesti menguasai kemahiran ICT. Ketrampilan dalam ICT adalah satu kriteria penting dalam sistem pendidikan abad ke-21.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah reka bentuk tinjauan deskriptif. Kajian deskriptif adalah kajian yang bertujuan untuk menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku dan digunakan di dalam penyelidikan pendidikan. Keadah ini adalah sesuai digunakan kerana ia bertujuan untuk mengumpulkan

segala maklumat mengenai pemboleh ubah. Menurut Mohamad Najib (1999), kaedah tinjauan deskriptif sesuai digunakan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara dua pemboleh ubah.

Instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik dan sebahagiannya diubah suai daripada beberapa pengkaji sebelum ini iaitu Juanna Risah (2003) dan Mohd Hanapi (2003). Menurut Mohd Majid (1994), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan terutama populasi yang besar. Kajian ini telah dijalankan di salah sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Kluang

Sampel kajian menggunakan persampelan bertujuan di sebuah sekolah menengah kebangsaan di daerah Kluang. Sekolah menengah ini merupakan sekolah pertama di daerah Kluang yang melaksanakan penulisan rekod mengajar secara on-line. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kesemua guru sebagai responden kajian. Kajian rintis terhadap soalan kajian dilakukan terlebih dahulu untuk menguji kesahan soalan. Nilai 'alpha cronbach' bagi kajian rintis ialah 0.812. Menurut Mohamad Najib (1999), jika nilai Alpha 0.6 – 0.7 ia boleh diterima dan jika melebihi 0.8 adalah sangat baik. Dalam kajian ini, penggunaan perisian 'Statistical Package for Social Science (SPSS) version 16' telah digunakan untuk menganalisis kesemua data yang telah diperolehi daripada responden kajian.

HASIL DAPATAN KAJIAN

1. Analisis tahap keberkesanaan rekod mengajar secara *on-line* dalam membantu guru menyediakan rancangan mengajar

Terdapat 18 item yang dikemukakan dalam bahagian ini bagi mendapatkan maklum balas dari responden samada tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Analisis keputusan dari responden dinyatakan dalam bentuk peratus dan min seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3 : Analisis Tahap Keberkesanaan Rekod Mengajar Secara *On-Line* Dalam Membantu Guru Menyediakan Rancangan Mengajar

Bil	Pernyataan Item	TS (f) %	TP (f) %	S (f) %	SS (f) %	Min
1.	Komputer ialah alat yang mudah dikendalikan.	-	(9) 11.5%	(41) 52.6%	(28) 35.9%	4.24
2.	Saya menggunakan perisian <i>Microsoft Word</i> untuk menyediakan rancangan mengajar.	-	(1) 1.3%	(32) 41.0%	(45) 57.7%	4.56
3.	Saya menggunakan teknologi PBK yang diperuntukkan oleh KPM semasa proses P&P	(4) 5.1%	(24) 30.8%	(40) 51.3%	(10) 12.8%	3.72
4.	Penggunaan komputer dapat mengurangkan beban kerja guru terutama dalam menyiapkan rancangan mengajar.	-	(5) 6.4%	(33) 42.3%	(40) 51.3%	4.45
5.	Komputer dapat memudahkan kerja saya.	-	(4) 5.1%	(35) 44.9%	(39) 50.0%	4.45
6.	Komputer dapat melicinkan urusan pentadbiran(penyeliaan).	-	(7) 9.0%	(38) 48.7%	(33) 42.3%	4.33
7.	Saya boleh meningkatkan prestasi kerja menggunakan komputer.	-	(8) 10.3%	(34) 43.6%	(36) 46.2%	4.36
8.	Komputer membantu mempercepatkan tugas saya.	-	(2) 2.6%	(41) 52.6%	(35) 44.9%	4.42
9.	Saya gembira menggunakan komputer semasa menyiapkan rancangan mengajar.	-	(3) 3.8%	(33) 42.3%	(42) 53.8%	4.50
10.	Penggunaan komputer dapat memudahkan pelaksanaan keseluruhan aktiviti P&P saya	-	(10) 12.8%	(38) 48.7%	(30) 38.5%	4.26
11.	Hidup saya tidak bermakna jika tidak menggunakan komputer.	-	(19) 24.4%	(43) 55.1%	(16) 20.5%	3.96
12.	Penggunaan kaedah pengajaran dengan teknologi ICT terkini dapat membantu saya menulis rancangan mengajar lebih berkesan.	-	(10) 12.8%	(31) 39.7%	(37) 47.4%	4.35
13.	Masa saya dapat dijitamkan dalam menulis rekod mengajar menggunakan komputer.	-	(5) 6.4%	(34) 43.6%	(39) 50.0%	4.44
14.	Penggunaan komputer sangat berkaitan dengan kerja saya terutama dalam menyiapkan rekod mengajar.	-	(6) 7.7%	(30) 38.5%	(42) 53.8%	4.46
15.	Penjimatan kertas berlaku apabila pelaksanaan rekod mengajar	-	(4) 5.1%	(26) 33.3%	(48) 61.6%	4.56

Bil	Pernyataan Item	TS (f) %	TP (f) %	S (f) %	SS (f) %	Min
	secara <i>on-line</i> .		5.1%	33.3%	61.5%	
16.	Penggunaan komputer dalam rekod mengajar secara <i>on-line</i> dapat menjimatkan tenaga.	-	(4) 5.1%	(34) 43.6%	(40) 51.3%	4.46
17.	Rekod mengajar secara <i>on-line</i> lebih praktikal, sistematik dan efisien.	-	(7) 9.0%	(35) 44.9%	(36) 46.2%	4.37
18.	Saya sangat berpuas hati dengan pelaksanaan rekod mengajar secara <i>on-line</i> yang telah disediakan.	-	(6) 7.7%	(34) 43.6%	(38) 48.7%	4.41
	Min Keseluruhan					4.35

Jadual 3 menunjukkan tahap keberkesanan rekod mengajar secara *on-line* dalam membantu guru menyediakan rancangan mengajar. Berdasarkan tersebut, keseluruhan min bagi kategori ini adalah 4.35. Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa rekod mengajar secara *on-line* mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi dalam membantu guru menyediakan rancangan mengajar.

Item “Saya menggunakan perisian *Microsoft Word* untuk menyediakan rancangan mengajar” dan “Penjimatan kertas berlaku apabila pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*” mendapat min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.56. Seramai 32 orang guru (41.0%) setuju dengan item “Saya menggunakan perisian *Microsoft Word* untuk menyediakan rancangan mengajar” manakala 45 orang guru (57.7%) sangat setuju dengan item ini. Bagi item “Penjimatan kertas berlaku apabila pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*” didapati seramai 26 orang guru (33.3%) setuju dengan item ini manakala 48 orang guru (61.5%) sangat setuju dengan item ini.

Seterusnya item “Saya menggunakan teknologi PBK yang diperuntukkan oleh KPM semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan” mendapat min yang paling rendah iaitu sebanyak 3.72. Seramai 40 orang guru (51.3%) setuju dengan item ini dan 10 orang guru (12.8%) sangat setuju dengan item ini.

2. Analisis tahap kesediaan guru dari segi psikologi dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*

Dalam bahagian ini, penyelidik menjelaskan tentang tahap kesediaan guru dari segi psikologi dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line* bagi menjawab persoalan kajian. Terdapat 18 item yang dikemukakan dalam bahagian ini bagi mendapatkan maklum balas dari responden samada sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Analisis keputusan dari responden dinyatakan dalam bentuk peratus dan min seperti dalam Jadual 4.

Berdasarkan jadual 4, keseluruhan min bagi kategori ini adalah 3.77. Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa guru-guru mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dari segi psikologi dan berusaha untuk melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*.

Item “Saya perlu sentiasa bersiap sedia dengan ilmu ICT” dan “Saya setuju untuk mengikuti kelas komputer” mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.38. Seramai 5 orang guru (6.4%) tidak setuju dengan item “Saya perlu sentiasa bersiap sedia dengan ilmu ICT”, 38 orang (48.7%) setuju dengan item ini manakala 35 orang guru (44.9%) sangat setuju dengan item ini.

Item “Saya lebih selesa dengan keadaan yang sedia ada di mana menulis rekod mengajar secara manual” mendapat min yang paling rendah iaitu sebanyak 1.79. Seramai 32 orang (41.0%) sangat tidak setuju dengan item ini dan 30 orang (38.5%) tidak setuju dengan item ini.

Jadual 4 : Analisis Tahap Kesediaan Guru Dari Segi Psikologi Dalam Melaksanakan Rekod Mengajar Secara *On-line*

Bil	Pernyataan Item	STS (f) %	TS (f) %	TP (f) %	S (f) %	SS (f) %	Min
1.	Apabila saya mendengar tentang sesuatu perkara baru, saya tidak sabar untuk mencubanya.	-	(1) 1.3%	(25) 32.1%	(38) 48.7%	(14) 17.9%	3.83
2.	Saya biasanya menunggu orang lain mencuba dahulu perkara baru tersebut.	-	-	(25) 32.1%	(45) 57.7%	(8) 10.3%	3.78
3.	Saya lebih selesa dengan keadaan yang sedia ada dimana menulis rekod mengajar secara manual.	(32) 41.0%	(30) 38.5%	(16) 20.5%	-	-	1.79
4.	Saya sentiasa bersedia untuk mencuba pendekatan baru dalam menulis rancangan	-	-	(8) 10.3%	(35) 44.9%	(35) 44.9%	4.35

	mengajar secara <i>on-line</i> .						
5.	Pendekatan baru (ICT) hanya akan mendatangkan masalah dan tekanan kepada saya.	(29) 37.2%	(29) 37.2%	(18) 23.1%	(1) 1.3%	(1) 1.3%	1.92
6.	Saya berusaha mengikuti perkembangan terbaru dalam bidang pendidikan yang yang diceburi.	-	-	(10) 12.8%	(46) 59.0%	(22) 28.2%	4.15
7.	Saya tidak mempunyai keyakinan diri untuk mempelajari kemahiran baru seperti menghantar rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	(21) 26.9%	(31) 39.7%	(24) 30.8%	(1) 1.3%	(1) 1.3%	2.10
8.	Saya mencari peluang-peluang untuk membuat perubahan yang radikal dan berterusan.	-	(6) 7.7%	(16) 20.5%	(37) 47.4%	(19) 24.4%	3.88
9.	Perubahan membawa kepada kebaikan kepada diri saya.	-	-	(7) 9.0%	(46) 59.0%	(25) 32.1%	4.23
10.	Adalah menjadi satu kepuasan dalam diri saya apabila mencuba sesuatu yang baru.	-	(2) 2.6%	(9) 11.5%	(45) 57.7%	(22) 28.2%	4.12
11.	Saya perlu sentiasa bersiap sedia dengan ilmu ICT.	-	-	(5) 6.4%	(38) 48.7%	(35) 44.9%	4.38
12.	Saya sedia belajar sendiri menggunakan komputer.	-	-	(7) 9.0%	(38) 48.7%	(33) 42.3%	4.33
13.	Saya setuju untuk mengikuti kelas komputer.	-	-	(8) 10.3%	(32) 41.0%	(38) 48.7%	4.38
14.	Saya bersedia untuk didedahkan dengan maklumat yang berkaitan dengan perkembangan ICT.	-	-	(10) 12.8%	(43) 55.1%	(25) 32.1%	4.19
15.	Saya bersedia mengikuti kursus berkaitan ICT terutama berkaitan pengajaran dan pembelajaran.	-	-	(6) 7.7%	(39) 50.0%	(33) 42.3%	4.35
16.	Saya pasti boleh menguruskan rekod mengajar secara <i>on-line</i>	-	-	(20) 25.6%	(37) 47.4%	(21) 26.9%	4.01
17.	Saya berani untuk mengendalikan rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	-	-	(25) 32.1%	(30) 38.5%	(23) 29.5%	3.97
18.	Saya bersedia untuk menjadi warga pendidik yang celik dalam dunia ICT.	-	-	(20) 25.6%	(34) 43.6%	(24) 30.8%	4.05
	Min Keseluruhan						3.77

3. Analisis tahapkemudahan infrastruktur di sekolah dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*

Dalam bahagian ini, penyelidik menjelaskan tentang analisis persoalan kajian 3 mengenai tahap kemudahan infrastruktur di sekolah dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line* bagi menjawab persoalan kajian. Terdapat 18 item yang dikemukakan dalam bahagian ini bagi mendapatkan maklum balas dari responden samada sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Analisis keputusan dari responden dinyatakan dalam bentuk peratus dan min seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5 : Analisis Tahap Kemudahan Infrastruktur Di Sekolah Dalam Melaksanakan Rekod Mengajar Secara *On-line*

Bil	Pernyataan Item	STS (f) %	TS (f) %	TP (f) %	S (f) %	SS (f) %	Min
1.	Sekolah saya mempunyai makmal komputer.	-	-	-	(40) 51.3%	(38) 48.7%	4.49
2.	Makmal komputer di sekolah saya dilengkapi dengan kemudahan komputer.	-	-	(16) 20.5%	(44) 56.4%	(18) 23.1%	4.03
3.	Saya menggunakan sepenuhnya kemudahan ICT yang disediakan di	-	(1) 1.3%	(15) 19.2%	(42) 53.8%	(20) 25.6%	4.04

	sekolah.						
4.	Bilangan komputer disekolah mencukupi untuk melaksanakan rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	(38) 48.7%	(20) 25.6%	(20) 25.6%	-	-	1.77
5.	Komputer yang disediakan dibilik guru membantu guru dalam menyediakan rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	(38) 48.7%	(25) 32.1%	(15) 19.2%	-	-	1.71
6.	Saya kerap menggunakan kemudahan makmal komputer untuk melaksanakan rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	(12) 15.4%	(46) 59.0%	(19) 24.4%	(1) 1.3%	-	2.12
7.	Saya menyiapkan rekod mengajar menggunakan komputer riba persendirian	-	-	(13) 16.7%	(35) 44.9%	(30) 38.5%	4.05
8.	Saya dapat menghasilkan produktiviti kerja yang tinggi dalam menyiapkan rekod mengajar dengan menggunakan kemudahan ICT.	-	-	(13) 16.7%	(37) 47.4%	(28) 35.9%	4.19
9.	Kemudahan ICT memudahkan saya dalam melaksanakan tugas harian.	-	-	(10) 12.8%	(38) 48.7%	(30) 38.5%	4.26
10.	Saya menggunakan <i>software</i> ICT yang asas seperti <i>MS Word</i> untuk membuat rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	-	-	-	(33) 42.3%	(45) 57.7%	4.58
11.	Capaian internet penting dalam melaksanakan kerja berkaitan rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	-	-	-	(35) 44.9%	(43) 55.1%	4.55
12.	Kualiti perkakasan ICT yang disediakan di sekolah dalam keadaan baik dan selamat digunakan	(9) 11.5%	(37) 47.4%	(32) 41.0%	-	-	2.29
13.	Penyelenggaraan perkakasan ICT di makmal komputer sering dilakukan.	(11) 14.1%	(38) 48.7%	(29) 37.2%	-	-	2.23
14.	Rangkaian LAN membantu dalam melaksanakan rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	-	-	-	(39) 50.0%	(39) 50.0%	4.50
15.	Kemudahan infastruktur di sekolah dan sistem ICT berkembang dari semasa ke semasa.	(37) 47.4%	(32) 41.0%	(39) 11.5%	-	-	1.64
16.	Software Anti-Virus adalah penting penting dalam melindungi sesebuah komputer.	-	-	(7) 9.0%	(29) 37.2%	(42) 53.8%	4.45
17.	Komputer yang rosak dalam makmal komputer lambat untuk diperbaiki.	-	-	(14) 17.9%	(34) 43.6%	(30) 38.5%	4.21
18.	Printer makmal komputer boleh digunakan oleh semua guru.	-	(28) 35.9%	(26) 33.3%	(24) 30.8%	-	2.95
	Min Keseluruhan						3.45

Jadual 5 menunjukkan taburan, kekerapan serta peratus dan min analisis dekriptif responden kemudahan infrastruktur di sekolah dalam membantu guru dalam menyediakan rekod mengajar secara *on-line*. Berdasarkan Jadual 5 keseluruhan min bagi kategori ini adalah 3.45. Ini menunjukkan responden faham dan jelas bahawa kemudahan infrastruktur di sekolah membantu guru dalam menyediakan rekod mengajar secara *on-line*. Item “Sekolah saya mempunyai makmal komputer” mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.49. Seramai 40 orang guru (52.3%) setuju dengan item ini dan selebihnya 38 orang guru (48.7%) sangat setuju dengan item ini. Manakala item “Kemudahan infastruktur di sekolah dan sistem ICT berkembang dari semasa ke semasa” mempunyai nilai min yang rendah iaitu sebanyak 1.64. Seramai 37 orang guru (47.4%) sangat tidak setuju dengan item ini. 32 orang guru (41.0%) tidak setuju dengan item ini dan selebihnya 39 orang guru (11.5%) tidak pasti dengan item ini.

4. Analisis tahap kemahiran guru menggunakan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara on-line

Dalam bahagian ini, penyelidik menjelaskan tentang analisis persoalan kajian 4 mengenai tahap kemahiran guru menggunakan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line* bagi menjawab persoalan kajian. Terdapat 18 item yang dikemukakan dalam bahagian ini bagi mendapatkan maklum balas dari responden samada sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Analisis keputusan dari responden dinyatakan dalam bentuk peratus dan min seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6 : Analisis Tahap Kemahiran Guru Menggunakan Komputer Dalam Melaksanakan Rekod Mengajar Secara On-line

Bil	Pernyataan Item	STS (f) %	TS (f) %	TP (f) %	S (f) %	SS (f) %	Min
1.	Saya mengetahui komponen komputer dan fungsinya.	-	-	(20) 25.6%	(48) 61.5%	(10) 12.8%	3.87
2.	Saya menyediakan perancangan mengajar menggunakan komputer.	-	-	(2) 2.6%	(33) 42.3%	(43) 55.1%	4.53
3.	Saya boleh membaiki kerosakan komputer saya sendiri.	(32) 41.0%	(20) 25.6%	(15) 19.2%	(9) 11.5%	(2) 2.6%	2.09
4.	Saya boleh menyediakan ABM menggunakan komputer.	-	(5) 6.4%	(11) 14.1%	(36) 46.2%	(26) 33.3%	4.06
5.	Saya boleh mengurus fail-fail dalam folder.	-	(1) 1.3%	(7) 9.0%	(39) 50.0%	(31) 39.7%	4.28
6.	Saya boleh mencari fail dalam komputer	-	(2) 2.6%	(4) 5.1%	(48) 61.5%	(24) 30.8%	4.21
7.	Saya kerap menggunakan komputer di rumah atau di sekolah dalam penyediaan rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	-	-	(24) 30.8%	(21) 26.9%	(33) 42.3%	4.12
8.	Saya selalu menggunakan komputer untuk tujuan P&P.	-	-	(20) 25.6%	(34) 43.6%	(24) 30.8%	4.05
9.	Saya sering bantu kawan lain untuk mengendalikan peralatan ICT dalam penyediaan rekod mengajar.	-	-	(20) 25.6%	(36) 46.2%	(22) 28.2%	4.03
10.	Tahap pengetahuan saya tentang penggunaan komputer sangat tinggi.	-	(1) 1.3%	(28) 35.9%	(40) 51.3%	(9) 11.5%	3.73
11.	Pelaksanaan rekod mengajar secara <i>on-line</i> membantu saya mencapai pengetahuan dan kemahiran praktikal.	-	-	(8) 10.3%	(36) 46.2%	(34) 43.6%	4.33
12.	Saya tahu menggunakan perisian <i>Microsoft Words</i> untuk menyiapkan rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	-	-	-	(31) 39.7%	(47) 60.3%	4.60
13.	Saya boleh menggunakan <i>e-mel</i> untuk menghantar rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	-	-	(7) 9.0%	(30) 38.5%	(41) 52.6%	4.44
14.	Saya boleh membuka dan membaca fail dokumen dalam komputer.	-	-	(5) 6.4%	(36) 46.2%	(37) 47.4%	4.41
15.	Saya boleh edit maklumat dalam rekod mengajar.	-	-	(6) 7.7%	(30) 38.5%	(42) 53.8%	4.46
16.	Jika saya berada di luar pejabat (berkursus), saya boleh menghantar rekod mengajar secara <i>on-line</i> .	-	-	(9) 11.5%	(30) 38.5%	(39) 50.0%	4.38
17.	Peti <i>e-mel</i> (<i>mailbox</i>) perlu sentiasa dikemaskini bagi memastikan kelancaran capaiannya.	-	-	(9) 11.5%	(37) 47.4%	(32) 41.0%	4.29
18.	Saya mempunyai kemahiran untuk	-	-	(7)	(40)	(31)	4.31

	mengakses internet berkaitan pengajaran dan pembelajaran.			9.0%	51.3%	39.7%	
	Min Keseluruhan						4.12

Jadual 6 menunjukkan taburan, kekerapan serta peratus dan min analisis deskriptif responden mengikut tahap kemahiran guru dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*. Berdasarkan jadual tersebut, keseluruhan min bagi kategori ini adalah 4.12. Ini menunjukkan responden mempunyai kemahiran yang tinggi menggunakan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*. Item “Saya tahu menggunakan perisian *Microsoft Words* untuk menyiapkan rekod mengajar secara *on-line*” mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.60. Seramai 31 orang guru (39.7%) setuju dengan item ini dan selebihnya 47 orang guru (60.3%) sangat setuju dengan item ini.

Manakala item “Saya boleh memperbaiki kerosakan komputer saya sendiri” mempunyai nilai min yang rendah iaitu sebanyak 2.09. Seramai 32 orang guru (41.0%) sangat tidak setuju dengan item ini. 20 orang guru (25.6%) tidak setuju dengan item ini dan 15 orang guru (19.2%) tidak pasti dengan item ini. Sembilan orang guru (11.5%) setuju dengan item ini manakala selebihnya 2 orang guru (2.6%) sangat setuju dengan item ini.

5. Mengenalkan perbezaan kemahiran menggunakan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *On-line* dari aspek pengalaman mengajar.

Berdasarkan kepada hipotesis kajian dalam bab satu, keputusan pengujian hipotesis menggunakan ANOVA telah dilakukan dan ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan antara kemahiran menggunakan komputer dan pengalaman mengajar dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*?

Jadual 7: Analisis Ujian ANOVA Antara Perbezaan Faktor Pengalaman Mengajar Terhadap Tahap Kemahiran Guru Dalam Melaksanakan Rekod Mengajar Secara *On-Line*.

	df	Min	F	Sig
Antara Kumpulan	2	.209	1.419	.248
Dalam Kumpulan	75	.148		
Jumlah	77			

N= 78 signifikan pada aras 0.05

Jadual 7 menunjukkan analisis ujian ANOVA berasaskan pengalaman mengajar terhadap tahap kemahiran guru dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*. Nilai $p > 0.05$ dimana ($p = 0.248$) iaitu lebih besar daripada aras signifikan yang ditetapkan maka kesimpulan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan signifikan di antara pengalaman mengajar terhadap tahap kemahiran guru menggunakan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*.

6. Masalah-masalah yang wujud dalam kalangan guru dalam pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*

Dalam bahagian ini, penyelidik menjelaskan tentang analisis persoalan kajian 6 mengenai masalah-masalah yang wujud di kalangan guru dalam pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* bagi menjawab persoalan kajian. Terdapat 4 masalah yang timbul di kalangan guru dalam pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* yang dikaji oleh penyelidik. Antara masalah-masalah tersebut ialah capaian internet yang sangat perlahan, penggunaan USB (Pendrive) yang bervirus, sikap guru dan kekangan masa. Analisis keputusan dari responden dinyatakan dalam bentuk peratus.

Jadual 8 : Masalah-Masalah Yang Wujud Dalam Kalangan Guru Dalam Pelaksanaan Rekod Mengajar Secara *On-Line*

Bil	Pernyataan Item	Peratusan(%)
1.	Capaian internet yang sangat perlahan.	38.46
2.	Penggunaan USB (Pendrive) yang bervirus	25.64
3.	Sikap guru	21.79
4.	Kekangan masa	14.11

Daripada kajian ini, didapati bahawa masalah utama guru-guru dalam pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* ialah capaian internet yang sangat perlahan sering berlaku sekiranya penggunaan adalah pada waktu puncak, di mana rangkaian secara normalnya akan menjadi lambat sekiranya banyak permintaan. Seramai 30 responden (38.46%) menyatakan demikian. Situasi ini membataskan guru untuk membuat persediaan awal bagi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, walaupun guru-guru menggunakan komputer persendirian namun tidak terdapat kemudahan internet di tempat kediaman mereka.

Seterusnya, masalah kedua ialah penggunaan *USB* (Pendrive) yang bervirus antara masalah dalam pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*. Seramai 20 responden (25.64%) menyatakan demikian. Serangan virus mengganggu kelancaran pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*. Hal ini berlaku kerana setiap guru dibekalkan pendrive 2G untuk menyiapkan rekod mengajar. Guru-guru akan membawa pendrive masing-masing untuk menyimpan fail rekod mengajar dalam *folder* di komputer induk. *Pen drive* kepunyaan guru-guru berkemungkinan mengalami serangan virus yang kadang kala boleh merosakkan komputer.

Masalah ketiga ialah sikap guru terhadap penggunaan komputer. Seramai 17 responden (21.79%) menyatakan perkara yang sama. Sikap tidak yakin kepada diri sendiri di kalangan guru adalah salah satu halangan dalam pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*. Guru yang bersikap negatif dalam penggunaan komputer akan mendorong kepada penolakan inovasi komputer.

Masalah yang keempat ialah kekangan masa menjadi halangan di kalangan guru dalam pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*. Seramai 11 responden (14.11%) menyatakan bahawa masalah yang sering dihadapi di kalangan guru dalam pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* ialah kekangan masa. Ini kemungkinan bergantung kepada faktor umur dan kematangan responden dalam mempengaruhi aspek pengurusan sendiri.

PERBINCANGAN

Tahap keberkesanan pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*.

Hasil kajian di Kluang menunjukkan semua guru mempunyai persepsi yang positif terhadap pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*. Melalui sistem *on-line* ini, proses merencanakan rancangan mengajar dapat dilakukan lebih mudah dan cepat. Guru boleh menggunakan rancangan mengajar yang sama untuk kelas yang berbeza. Ini bermakna, guru tidak perlu membuat rancangan mengajar yang berlainan jika mengajar topik yang sama untuk pelajar yang berada pada tahap yang sama. Ini boleh meringankan beban kerja guru.

Pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* akan meningkatkan kecekapan pentadbiran dan pemantauan oleh pihak atasan (Crawford R, 1995). Hal ini terbukti apabila pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* membenarkan pihak pentadbiran melakukan pemantauan secara menyeluruh dan teliti. Pemantauan juga boleh dilakukan pada bila-bila masa oleh pengetua dan bukan hanya pada hujung minggu sahaja seperti cara konvensional. Pengetua dapat melihat secara keseluruhan rancangan mengajar yang diterima dan juga status rancangan mengajar tersebut sama ada telah disemak atau belum.

Tahap kesediaan guru dari segi psikologi dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*.

Hasil kajian di sebuah sekolah menengah di daerah Kluang menunjukkan semua guru terutamanya guru muda bersedia untuk melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*. Ini adalah kerana disebabkan oleh faktor umur dan perasaan ingin tahu mereka mengenai rekod mengajar secara *on-line* menjadi pendorong utama mereka. Kajian ini menunjukkan keupayaan guru-guru untuk melaksanakan rekod mengajar secara *on-line* kerana mereka masih bertenaga dan berupaya mempelajari sesuatu yang baru.

Analisis kajian mendapati secara keseluruhannya guru sedar tentang kepentingan menggunakan komputer dan telah bersedia untuk mengetahui dengan lebih lanjut dan mendalami tentang penggunaan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*. Guru-guru bersedia mengikuti perkembangan teknologi komputer. Mereka juga bersedia untuk mengikuti kursus komputer untuk melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran penggunaan komputer dalam dunia pendidikan. Guru-guru juga berasa selesa bekerja dengan menggunakan komputer.

Tahap kemudahan infrastruktur di sekolah dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*

Guru-guru harus diberi peluang untuk mendalami penggunaan teknologi maklumat dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*. Bilangan komputer yang mencukupi perlu dibekalkan untuk kegunaan guru. Selain itu, sebuah makmal komputer bersama keperluan rangkaian tertentu perlu disediakan untuk keselesaan guru.

Kajian oleh Hasselbring (1991) yang mendapati bahawa komputer yang ada di kebanyakan sekolah terdiri daripada perkakasan teknologi lama, rendah kualiti dan tidak berupaya menjalankan program pengajaran yang terkini. Dua komponen utama untuk menggunakan komputer secara berkesan ialah perkakasan dan perisian. Jika kualiti perisiannya baik tetapi menggunakan perkakasan lama dan rendah keupayaannya, adalah tidak berguna dan begitulah sebaliknya.

Kajian Preston et.al., (2000) mendapati bahawa mutu peralatan ICT yang rendah boleh mengganggu proses pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*. Ramai guru menyatakan komputer yang dibekalkan tidak

berkualiti dan adanya yang sudah ketinggalan zaman. Ini ditambah lagi dengan cepatnya perkembangan teknologi komputer. Oleh itu komputer hendaklah dipastikan dari segi kualiti dan diletakkan di tempat-tempat yang sesuai dan boleh dicapai oleh semua orang, termasuk guru.

Mengenalpasti tahap kemahiran guru menggunakan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*.

Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kebanyakan guru-guru sudah mempunyai pengalaman atau kemahiran menggunakan komputer sama ada di rumah atau di sekolah. Kenyataan ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Germann & Barrow (1996) yang mendapati bahawa kebanyakan guru di Missouri telah pun mempunyai pengalaman menggunakan komputer sama ada di rumah atau di sekolah sejak beberapa tahun yang lalu. Kajian oleh Becker, Ravitz dan Wong (1999) juga menyatakan hampir 80% orang guru mempunyai sebuah komputer setiap seorang di rumah masing-masing. Selain daripada itu, didapati juga 93% orang guru telah menggunakan komputer dalam bidang masing-masing.

Kajian ini mendapati bahawa guru-guru mempunyai kemahiran dalam aspek penggunaan perisian pemprosesan perkataan (*Microsoft Word*) dan pencarian maklumat melalui internet. Ini selaras dengan kajian Lim Bee Yeok (2008) menyatakan guru-guru mempunyai kemahiran yang tinggi terutama dalam perisian pemprosesan perkataan kerana mereka kerap menggunakan komputer untuk menyiapkan rancangan mengajar. Manakala penggunaan internet dan e-mel untuk tujuan pencarian maklumat dalam kajian ini menunjukkan peratusan yang tinggi mungkin disebabkan oleh terdapatnya kemudahan pencapaian internet (jaringan LAN) di sekolah yang dikaji. Ini menunjukkan guru mempunyai inisiatif sendiri dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka berkaitan dengan ICT secara menggunakan internet dan e-mel yang ada di sekolah untuk tujuan pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line*. Penggunaan komputer juga begitu meluas dalam bidang pengajian perguruan, terutama di institusi-institusi perguruan. Maka tidak hairanlah guru-guru keluaran daripada bidang perguruan mempunyai kemahiran yang banyak berkaitan dengan komputer, kerana ianya digunakan semasa proses pembelajaran.

Masalah-masalah yang wujud di kalangan guru-guru dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*.

Masalah yang utama dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line* ialah capaian internet yang sangat perlahan. Talian internet seringkali menjadi perlahan pada waktu tengah hari. Waktu ini dipanggil waktu puncak. Pada waktu ini ramai pengguna yang sedang mengakses dalam satu masa. Oleh itu, adalah disarankan pilihlah waktu yang sesuai untuk melayari internet. Begitu juga dengan lokasi perumahan dan kawasan sekolah yang menggunakan jaringan LAN (kawasan setempat) akan menyebabkan isyarat capaian internet akan menjadi lemah dan perlahan. Penggunaan USB (Pendrive) yang bervirus juga menyebabkan capaian internet sangat perlahan.

Selain itu, sikap para guru juga memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah ini. Ada segelintir guru yang memang tidak berminat untuk menggunakan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*. Mereka menganggap bahawa penggunaan komputer adalah menyusahkan, sedangkan kecanggihan komputer dan ICT boleh mengubah sesuatu pekerjaan menjadi lebih pantas dan mudah. Persepsi mereka tentang penggunaan komputer perlu diubah supaya mereka lebih menghargai kecanggihan teknologi yang ada pada masa kini. Pihak pentadbir perlu menekankan penggunaan komputer dan ICT di kalangan guru.

Terdapat segelintir guru-guru tidak memanfaatkan kecanggihan komputer. Mereka berpendapat bahawa kekangan masa sangat mempengaruhi penggunaan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*. Masa guru banyak dihabiskan dengan memfokus kepada matlamat untuk menghabiskan sesuatu sukatan mata pelajaran yang diajar. Keadaan ini mungkin menyebabkan guru-guru tersebut merasa kurang selesa untuk menggunakan komputer dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*. Dapatan kajian ini banyak disokong oleh dapatan kajian-kajian lalu. Menurut Becker (1991), kekangan masa merupakan salah satu daripada masalah yang dihadapi dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*. Seseorang guru haruslah mengatur masa mereka dengan lebih bijak. Pengurusan masa seseorang guru adalah penting di dalam melaksanakan rekod mengajar secara *on-line*.

KESIMPULAN

Pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* diharap dapat membantu pihak guru dalam menjayakan dasar kerajaan untuk memartabatkan penggunaan ICT dalam dunia pendidikan. Selain itu, ia juga diharap dapat mengurangkan beban kerja guru dan seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran guru. Secara tidak langsung, pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* dapat meningkatkan disiplin dikalangan guru. Kejayaan pelaksanaan rekod mengajar secara *on-line* terletak kepada guru, murid, ibu bapa dan masyarakat. Setiap pihak perlu memainkan peranan yang penting untuk merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan warga pendidik yang celik IT.

RUJUKAN

- Azlin Norhaini Mansor (2004). Amalan Pengurusan Pengetua: Satu Kajian Kes. *Prosiding Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-1*, hlm 255-265.
- Becker, H. J., J. L. Ravitz, dan Y. T. Wong. (1999). *Teacher and Teacher - Directed Student Use of Computers and Software*.
- Berita Harian. (8 Januari 2006). *Guru Tanggung Beban Kerja 74 Jam Seminggu*.
- Calderhead, J. (1984). *Teacher's Classroom Decision Making Britain*: Holt, Kinehart and Wiston Ltd.
- Clark, M. dan Yinger R. (1981). *Reflective Journal Writing: Theory And Practice*. Occasional Paper No. 50. East Lansing, MI: Michigan State University. Institute for Research on Teaching.
- Crawford R. (1995). *Managing Information Technology in Secondary School*. London: Roudedge.
- Esah Sulaiman et. al., (2003). *Penyelidikan Latihan Mengajar Secara Elektronik (E-Supervision)*: Satu Kajian Kes di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasselbring, O.S. (1991). *Improving Education Through Technology: Barriers and Recommendation*. Preventing School Failure, vol. 35 (3), ms. 33.
- Juanna Risah Sa'ari (2003). Teacher's Attitude And Perceived Competence Toward Information Technology Among Secondary School Teachers In Malacca. *Tesis Master*. Universiti Putra Malaysia.
- Jung, I (2005). *ICT-Pedagogy Integration in Teacher Training: Application Cases Worldwide*. Educational Technology and Society, 8 (2), 94-101.
- Kay, R. H. (1990). "Predicting Student Teacher Commitment to Use the Computers." *Journal of Educational Computing Research*, 6 (3): 299-309.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2000). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Putrajaya: Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan EPRD.
- Keow Ngang et.al., (2006). Kesiediaan dan Keberkesanaan Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Biologi di Sebuah Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan*, 2006, Universiti Malaya, 79-92.
- Laporan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan NUTP. (2005). *Pandangan dan Syor NUTP: Beban Guru*.
- Lim Bee Yeok (2008). Tahap Pengetahuan, Sikap dan Masalah Penggunaan Komputer di Kalangan Guru di Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah. Universiti Teknologi Malaysia. *Tesis Sarjana Muda*.
- Mohd Hanapi Abu Bakar (2003). Persepsi Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Terhadap Penggunaan TMK. *Tesis Master*. Universiti Putra Malaysia.
- Preston, C., Cox, M., And Cox, K. (2000). *Teachers As Innovators In Learning: What Motivates Teachers To Use ICT*, MirandaNet.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999 'Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran'.
- Tajul Ariffin Noordin (1997). *Ilmu, Pendidikan dan Teknologi Maklumat*. Dewan Ekonomi.
- Zulkifli dan Raja Maznah, (1994). *Teknologi Komputer dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.